

FAHAMI FENOMENA ALAM, HAYATI KEKUASAAN ALLAH

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَنَزَعْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا فَقُلْنَا هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ فَعَلِمُوا أَنَّ الْحَقَّ لِلَّهِ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا
كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٧٥﴾

عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَعٌ لَكُمْ^٤ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Sesungguhnya orang yang bertaqwa akan beroleh limpah kurnia yang besar di dunia dan di akhirat sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ^٥
وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." (S. Al-Anfal: 29).

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Tentu ramai yang perasan akan keadaan cuaca panas dan kering yang sedang melanda negeri kita pada masa ini. Tetapi malangnya, tidak ramai pula yang mahu memahami sebab-musabab fenomena ini, apatah lagi memikirkan dan menghayati kekuasaan Allah SWT yang mengatur dan mentadbir alam ini. Yang kedengaran ialah suara mengeluh kepanasan dan kepenatan. Anjuran agama supaya beristighfar dan berdoa dijauhi daripada bencana dan musibah kurang diberikan perhatian.

Allah SWT berfirman dalam kitab suci-Nya:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ^ط فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya: "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang yang berdusta." (S. Al-Ankabut: 2-3).

Dengan berpandukan kepada ayat ini, kita beroleh pengajaran bahawa ujian dan cabaran hidup sama ada yang berat mahupun yang ringan adalah lumrah kehidupan bagi umat Islam. Ia bertujuan menguji sejauh mana tahap keimanan kita. Kerana itu, kalau ujian itu berupa musibah, maka kita hendaklah sabar dan tabah menghadapinya sambil memohon doa kepada Allah SWT supaya dipermudahkan menghadapi segala cabaran. Sesungguhnya setiap kesulitan disertai kemudahan.

Dan jika ujian itu berupa kemewahan ataupun kesenangan, jangan sekali-kali lalai daripada mengingati, bersyukur dan beribadat kepada Allah SWT. Sesungguhnya sifat sombong dan angkuh manusia menjadi sebab-musabab Allah SWT menurunkan bencana sebagai pengajaran seperti halnya dengan keadaan cuaca panas dan kering yang sedang kita alami kini.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Keadaan cuaca panas dan kering yang dijangka akan berlarutan hingga bulan Mac ini berlaku kerana keadaan cuaca yang lebih aktif di sebelah barat Lautan Pasifik dan di Lautan Hindi telah menarik kelembapan di negara kita ke sana. Apabila sesuatu tempat mempunyai cuaca yang aktif bermakna akan ada tempat yang mengalami cuaca tidak aktif atau kering. Oleh kerana Negara kita berada di tengah-tengah antara kedua-dua kawasan aktif ini, maka kita yang mengalami cuaca kering.

Inilah yang dikatakan fenomena El-Nino, yang pernah melanda Negara kita pada 1998, di mana suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998. Ia biasanya berlaku setiap dua hingga empat tahun sekali. Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.

Antara tanda-tanda awal fenomena ini yang sudah dapat dilihat di negeri kita adalah statistik taburan hujan yang kurang daripada normal sejak kebelakangan ini. Situasi ini seharusnya membuat kita lebih bersedia menghadapi segala kemungkinan kerana tahap El Nino yang kuat boleh menyebabkan kekurangan air dan bekalan makanan akibat dari musim kemarau melampau. Malah, cuaca panas dan kering yang melampau juga memungkinkan berlakunya kebakaran belukar dan hutan yang boleh mencetuskan jerebu dan masalah kesihatan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Hakikatnya, Allah telah menciptakan alam ini mengikut kadar yang seimbang atau Tawazun serta lengkap sempurna. Namun, manusialah yang mengundang kecelakaan dengan melakukan kerosakan di muka bumi kerana merasakan dialah yang paling kuat dan gagah. Manusia juga tidak mahu bersyukur atas nikmat kurniaan-Nya, suka membantah, melampaui batas dan berlaku zalim. Malah tidak keterlaluan dikatakan manusia secara umumnya tidak lagi berlaku amanah lagi pada diri sendiri, pada alam, pada Tuhannya.

Justeru, apa jua fenomena alam yang berlaku tersirat saranan agar manusia memahami dan memikirkan kenapa ia terjadi. Ini kerana sumber sesuatu perubahan dan musibah itu datangnya daripada diri manusia, maka cara menanganinya juga harus datang daripada manusia sendiri.

Firman Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)." (S. Ar-Ruum: 41).

Firman Allah SWT lagi:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: "Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu." (S. Asy-Syuraa: 30).

Dengan hal yang demikian, fenomena alam seperti El Nino sebenarnya menjadi cabaran kepada manusia untuk memikirkan bagaimana menanganinya atau menjadikannya sebagai sumber mendapatkan sesuatu yang bermanfaat bagi kehidupan. Dengan kata lain, kita tidak boleh menyalahkan faktor perubahan cuaca 100 peratus sebagai penyebab kemarau, masalah kekurangan air dan makanan. Sepatutnya, manusia mencari ikhtiar, bagaimana hendak mengatasi masalah tersebut.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Kita hendaklah menggunakan fikiran dan kepakaran bagi menyelesaikan setiap masalah hidup termasuk menangani masalah kekurangan air bersih. Ini kerana air sangat penting di muka bumi ini kerana semua jenis hidupan bergantung kepada air untuk terus hidup. Tubuh manusia terdiri daripada 70 peratus air. Otak pula mengandungi 80 peratus air, komposisi darah terdiri daripada 90 peratus air.

Pendek kata, air yang bersih adalah segala-galanya bagi kehidupan di muka bumi ini. Ini sejajar dengan firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَّكُم مِّنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجْرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ ﴿٦١﴾ يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

Yang bermaksud: “Dialah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternakmakan padanya. Dia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanam-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mempunyai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kamu yang mahu berfikir.” (S. An-Nahl: 10-11).

Kerana itu, hargai dan syukurilah air kurniaan Ilahi dengan menjaga serta memulihara segala sumbernya. Walaupun kita masih menikmati bekalan air yang lumayan, ia bukanlah alasan untuk menggunakan air secara boros dan membazir. Kita harus ingat bahawa musim panas dan kering sedang melanda, manakala bencana sukar diduga. Semua ini harus dijadikan iktibar dan pengajaran!

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Marilah kita insaf dan sedari bersama bahawa azab Tuhan tidak berakhir di dunia ini. Azab yang lebih pedih akan menanti golongan yang kufur ingkar di akhirat kelak.

Justeru, terima serta hadapilah bencana atau musibah yang melanda dengan penuh keredhaan dan kesabaran sambil meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ini dapat memelihara martabat kita selaku makhluk yang sebaik-baik kejadian selain mengelak diri daripada beroleh kehinaan di akhirat kelak.

Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.” (S. At-Tin: 4-6).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah